

21/09/2003

Tiada rebutan kuasa: PM (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira kerana tiada berlaku sebarang perebutan kuasa apabila penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepemimpinan negara akhir bulan depan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta semua ahli dan penyokong Barisan Nasional (BN) di seluruh negara memberi sokongan padu kepada Abdullah bagi menjamin kemenangan lebih dua pertiga BN pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, ahli BN juga tidak perlu khuatir mengenai komitmen Abdullah kepada perjuangan gabungan yang disertai 14 parti komponen itu, sebaliknya terus memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri yang baru itu nanti.

"Pada akhir Oktober tahun ini, saya akan melepaskan jawatan saya dengan rasa senang hati kerana sudah ada pengganti saya. Tidak ada rebutan kuasa di kalangan kita. Kita adalah kumpulan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab bersama dan kita percaya kepada dasar BN.

"Sebab itu, apabila pengganti saya Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri, dia telah berjanji secara terbuka untuk meneruskan perjuangan BN. Kita tidak perlu khuatir mengenai komitmennya kepada perjuangan BN.

"Justeru itu saya minta supaya ahli-ahli BN, penyokong BN memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah," katanya yang disambut tepukan gemuruh puluhan ribu hadirin ketika berucap pada perhimpunan raksasa sempena Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini, petang semalam.

Lebih 30,000 hadirin terdiri daripada pemimpin semua 14 parti komponen dan Ahli Parlimennya serta penyokong gabungan itu dari seluruh negara, hadir.

Ucapan selama 55 minit itu, kerap kali terganggu dengan tepukan gemuruh penyokong BN. Ini adalah perhimpunan raksasa BN peringkat Pusat yang terakhir dihadiri Dr Mahathir sebelum bersara bulan depan.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Abdullah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk perayaan itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dan semua menteri Kabinet.

Ketika Dr Mahathir dan isteri tiba dan muncul di dalam stadium kira-kira jam 3 petang, mereka diberi tepukan gemuruh dengan semua hadirin berdiri sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kerana sumbangan terbesarnya memantapkan BN.

Dr Mahathir yang sekali lagi menamakan Abdullah sebagai penggantinya berkata, segala janji BN kepada rakyat yang sememangnya dilaksanakan, akan ditunaikan oleh kepemimpinan yang baru itu.

"Tidak ada perubahan dasar, tidak ada perubahan polisi.... mungkin stailnya saja berbeza tetapi dasarnya adalah sama. Insya-Allah dengan melaksanakan dasar yang sama, maka negara kita ini akan terus maju dan menjadi contoh kepada dunia.

"Malaysia adalah negara kita kerana kita Malaysia Boleh, kerana Malaysia kita boleh. Dengan berpegang kepada kepercayaan pada diri sendiri, pada prinsip perjuangan BN ini, insya-Allah negara kita akan terus maju di bawah kepemimpinan yang silih berganti sehingga tercapai taraf negara maju menjelang 2020.

"Inilah wawasan kita. inilah visi kita dan kita semua, di semua lapisan daripada pemimpin tertinggi sehingga kepada kanak-kanak di sekolah, kita akan beri komitmen, kita akan dedikasikan diri kita untuk menjadi sebuah negara yang mulia, maju dan dihormati oleh seluruh dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada hari meraikan ulang tahun ke-50 itu, ahli BN hendaklah cakap dalam hati untuk meneruskan perjuangan mulia, bukan untuk diri sendiri tapi untuk bangsa, agama dan negara.

Beliau mengakhiri ucapannya dengan kata-kata: "Percayalah apabila negara

kita maju, maka tidak dapat tidak, kita akan memperoleh nikmat untuk diri. Berjuanglah untuk negara kita." Sekali lagi beliau menerima tepukan gemuruh.

Sepanjang ucapan itu juga, Dr Mahathir turut mengisahkan penubuhan Perikatan pada 1952 dan kemudiannya dikenali sebagai BN pada 1 Jun 1974 yang dianggapnya sebagai satu perkongsian kuasa yang paling berjaya.

Katanya, BN sebagai sebuah parti politik gabungan yang `tersendiri' di dunia, memerlukan kuasa dan mandat rakyat yang besar untuk membolehkannya terus membangun dan mentadbir negara dengan lebih cemerlang.

Sambil meyakinkan rakyat bahawa hanya BN yang boleh mentadbir Malaysia dengan baik, Dr Mahathir berkata perjuangan BN untuk membangun rakyat dan negara telah digariskan sejak awal penubuhannya dan akan diteruskan oleh pemimpinnya.

Beliau berkata perjuangan BN yang diasaskan oleh Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj telah dilaksanakan oleh perdana menteri berikutnya - Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan beliau